

04 DEC 2002

Pas-Australia

PAS BERSAMA K'JAAN DALAM ISU KEPENTINGAN DAN KESELAMATAN NEGARA

KUALA TERENGGANU, 4 Dis (Bernama) -- Pas akan bersama-sama dengan kerajaan dalam menangani sebarang tindak tanduk asing yang cuba menjejaskan kepentingan dan kedaulatan negara, kata naib presidennya, Datuk Mustafa Ali.

Beliau berkata Pas bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang membidas sikap angkuh Australia.

"Bagi Pas, dalam isu kepentingan dan keselamatan negara, kita bersama dengan kerajaan. Ini tak ada beza, walaupun dari aspek lain kita berbeza," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan exco kerajaan negeri di sini hari ini.

Isnin lepas, Dr Mahathir membidas kenyataan Perdana Menteri Australia, John Howard yang menyatakan kesediaan negara itu untuk menyerang pengganas di beberapa negara jiran dalam usaha mengangani keganasan.

Dr Mahathir dilaporkan berkata cadangan Howard itu ibarat satu tindakan perang.

Mustafa, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Petroleum, Perindustrian dan Sumber Manusia negeri, berkata kenyataan Howard itu merupakan satu kenyataan yang memang kasar dan angkuh.

Beliau berkata Australia sebenarnya lebih mengutamakan hubungan kulit daripada hubungan serantau dan masih terikat dengan polisi kulit putihnya yang diamalkan pada masa silam.

"Australia tidak menunjukkan ia langsung mempunyai hubungan dalam bentuk serantau atau wilayah yang sama. Ia lebih menampakkan hubungan kulit putih lebih utama.

"Oleh itu, apabila Amerika Syarikat bertindak mencerooboh negara lain, maka dengan alasan yang sama Australia turut mahu berbuat demikian," katanya.

-- BERNAMA

SN MAI